

GP:
Perancangan
Tanah
Perkuburan
Islam dan
Bukan Islam



GARIS PANDUAN PERANCANGAN

TANAH PERKUBURAN ISLAM DAN BUKAN ISLAM



**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
SEMENANJUNG MALAYSIA**

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia

Cetakan Pertama 1997
© Hakcipta
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Malaysia

Hakcipta terpelihara.
Sebarang bahagian dalam laporan ini tidak
boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara
yang boleh dipergunakan lagi, atau pun dipindahkan
dalam sebarang bentuk atau sebarang cara, samada
dengan cara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya;
tanpa kebenaran bertulis daripada
Penerbit terlebih dahulu.

ISBN 983-9396-34-x

Diterbitkan di Malaysia
Oleh
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Malaysia.

KATA ALU-ALUAN

*Ketua Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia*



Kemudahan Tanah Perkuburan Islam dan Bukan Islam merupakan satu kemudahan awam yang perlu diambilkira dalam menyediakan sesuatu kawasan perumahan. Penyediaan kemudahan ini perlu diberi perhatian agar tidak bercanggah dengan kegunaan di tanah sedia ada untuk mewujudkan suatu suasana nyaman dan tenteram.

Bagi membantu perancangan kemudahan tanah perkuburan Islam dan Bukan Islam supaya lebih teratur serta memenuhi prinsip-prinsip perancangan dan pembangunan sejagat, Garis Panduan Perancangan Tanah Perkuburan Islam dan Bukan Islam yang disediakan ini mengemukakan komponen yang perlu ada di dalam merancang sesuatu kawasan tanah perkuburan samada dari segi keluasan dan kesesuaian perletakannya. Ia juga meliputi aspek kepercayaan agama dan adat resam, topografi dan susunatur tanah, susunatur keperluan ruang, kesihatan umum dan kesesuaian gunatanah.

Garis Panduan Perancangan Tanah Perkuburan Islam dan Bukan Islam ini adalah kegunaan semua pihak terutama sekali Pihakberkuasa Negeri, Pihakberkuasa Perancangan Tempatan dan Pihak Swasta sebagai panduan dalam merancang sesuatu kawasan kemudahan tanah perkuburan tersebut.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat kerana telah berjaya menghasilkan Garis Panduan Perancangan Tanah Perkuburan Islam dan Bukan Islam ini.



DATO' PROF. ZAINUDDIN BIN MUHAMMAD
(D.P.M.T., J.M.N., J.S.M., S.M.T., K.M.N., A.S.K.)

1.0	TUJUAN	1
2.0	LATARBELAKANG	1
3.0	PRINSIP PERANCANGAN	1
4.0	DASAR PELAKSANAAN	2
5.0	GARISPANDUAN UMUM	4
5.1	Perancangan Tanah Perkuburan Mengikut Hierarki Penempatan	4
5.1.1	Kawasan Kejiranan	4
5.1.2	Kawasan Bandar dan Pekan	5
5.1.3	Separa Wilayah	6
5.2	Perancangan Tapak	6
5.2.1	Kepercayaan Agama dan Adat Resam	6
5.2.2	Kesihatan Umum	7
5.2.3	Topografi dan Struktur Tanah	7
5.2.4	Kesesuaian Gunatanah	8
5.3	Keperluan Ruang	8
6.0	GARIS PANDUAN KHUSUS	9
6.1	Susunatur Tanah Perkuburan Dan Krematoria	9
6.1.1	Susunatur Tanah Perkuburan Islam dan Bukan Islam	9
6.1.2	Susunatur Krematoria	12
6.1.3	Susunatur Dan Rekabentuk Taman Peringatan	14
7.0	PIAWAIAN	15

Senarai Rajah

Rajah 1 :	Sistem Modul	10
Rajah 2 :	Pelan Konsep Tanah Perkuburan	11
Rajah 3 :	Krematoria Tradisional	12
Rajah 4 :	Susunanatur Krematoria Moden	13
Rajah 5 :	Lot Perkuburan	18

Senarai Jadual

Jadual 1 :	Piawaian Perancangan Lot Perkuburan	15
Jadual 2 :	Piawaian Perancangan Untuk Krematoria	16
Jadual 3 :	Piawaian Perancangan Tanah Perkuburan	17

GARIS PANDUAN PERANCANGAN TANAH PERKUBURAN ISLAM DAN BUKAN ISLAM

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan untuk membantu Pihakberkuasa Negeri, Pihakberkuasa Tempatan, Badan-badan Berkanun dan Pihak Swasta mengenai keperluan perancangan tanah perkuburan Islam dan bukan Islam sebagai panduan dalam merancang sesuatu pembangunan.

2.0 LATARBELAKANG

Keperluan tanah perkuburan adalah satu kemudahan asas yang sama pentingnya dengan kemudahan asas lain. Apabila memajukan sesuatu kawasan perumahan seringkali keperluan ini tertinggal dan telah menimbulkan masalah kepada penduduk kerana tiada tanah perkuburan yang dirancang. Masalah ini menjadi lebih runcing di kawasan-kawasan bandar kerana kekurangan tanah. Faktor-faktor sosial seperti adat resam penduduk bandar yang berbilang kaum perlu juga diberi perhatian dalam merancang tanah perkuburan. Perancangan tanah perkuburan perlulah berasaskan kepada Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Sejangat yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia.

3.0 PRINSIP PERANCANGAN

i. Tepat dan Saksama

Perancangan dan pembangunan tanah perkuburan yang mencukupi sesuai dengan tuntutan agama, adat resam masyarakat dan meletak aktiviti yang tepat dan bersesuaian mengikut keperluan penduduk.

ii. Kemudahsampaian

Perancangannya hendaklah dilengkapi dengan rangkaian jalan yang mudah sampai.

iii. Sistematis

Merancang keperluan tanah perkuburan yang mengambilkira keperluan jangkamasa pendek dan jangkamasa panjang supaya ianya lebih teratur dan mampan.

iv. Keselamatan

Merancang perletakan tapak perkuburan yang bersesuaian untuk mewujudkan keselamatan.

v. Bersih Dan Indah

Memastikan tanah perkuburan sentiasa berada di dalam keadaan bersih, indah, teratur serta lengkap dengan kemudahan sokongannya seperti tempat letak kereta, tempat istirehat atau tempat menunggu.

4.0 DASAR PELAKSANAAN

i. Dasar Majlis Tanah Negara mengenai tanah perkuburan bukan Islam, tempat pembakaran mayat dan penyimpanan abu.

a) Pembangunan tanah perkuburan bukan Islam swasta yang diuruskan secara komersil adalah tidak digalakkan dan sekiranya diluluskan perlu mematuhi Garis Panduan Majlis Tanah Negara mengenai Kawalan Pembangunan dan Syarat-syarat Yang Seragam Bagi Tanah Perkuburan Komersil yang telah diluluskan oleh Majlis Tanah Negara yang ke 51 pada 16 November 1995 iaitu:

- Kawalan Pembangunan Pihakberkuasa Negeri
 - Pihakberkuasa Negeri hendaklah memberi pertimbangan khusus mengenai ulasan jabatan-jabatan Teknikal mengenai kesesuaian tanah dan pandangan penduduk setempat;
 - Perlu ada satu dasar yang seragam bagi membolehkan semua Pihakberkuasa Tempatan mengawasi agar ianya sesuai dengan ciri-ciri kebudayaan kebangsaan khususnya mengenai pembinaan pintu gerbang, tempat pembakaran, tokong dan lain-lain bagi menjamin keharmonian kehidupan rakyat berbilang kaum; dan
 - Semasa kelulusan sesuatu permohonan hendaklah disyaratkan supaya tanah perkuburan ini termasuk dalam kawalan Pihakberkuasa Tempatan sekiranya ia terletak di luar kawasan berkenaan.

- Syarat-Syarat Yang Seragam
 - **Premium/Premium Tambahan**
 Satu kadar di antara kadar bangunan perniagaan dengan kadar bangunan kediaman hendaklah dikenakan dan dimasukkan dalam kaedah Tanah Negeri.
 - **Cukai**
 Satu kadar antara kadar bangunan kediaman dan kadar bangunan perniagaan dikenakan dan dimasukkan dalam kaedah Tanah Negeri.
 - Syarat-syarat lain.
 - **Syarat-Nyata** – Tanah digunakan semata-mata untuk kubur dan tidak boleh digunakan untuk lain-lain kegunaan.
 - **Sekatan kepentingan** – Tanah tidak boleh diurus niagakan melainkan dengan kebenaran Pihakberkuasa Negeri
 - **Syarat Tambahan** – Tanah Perkuburan diwartakan sebagai sebahagian daripada kawasan Pihakberkuasa Tempatan, dan lain-lain syarat yang dikenakan oleh jabatan-jabatan Teknikal yang dipersetujui oleh Pihakberkuasa Negeri.
- b) Tidak membenarkan amalan membawa masuk mayat warganegara asing untuk dikebumikan di Malaysia atau pembelian tanah-tanah oleh warganegara asing, khususnya warganegara jiran untuk maksud perkuburan.
- ii. Kemudahan tanah perkuburan Islam dan bukan Islam hendaklah diambil kira dalam penyediaan rancangan pemajuan iaitu Rancangan Struktur, Rancangan Tempatan, Rancangan Pembangunan Daerah, Pusat Pertumbuhan Desa dan dalam kelulusan pecah sempadan serta kelulusan pelan susunatur.
- iii. Di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995 Akta (A 933) Sek 21 Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) hendaklah

disediakan dengan mengambilkira kepentingan awam. Berdasarkan Akta ini maka dasar pelaksanaan bagi tanah perkuburan adalah seperti berikut:

- a) Setiap rancangan pemajuan atau projek perumahan perlu memperuntukkan keperluan tanah perkuburan Islam dan bukan Islam, rizab dan mewartakan dengan menggunakan kaedah yang sesuai berasaskan piawaian perancangan;
- b) Tanah perkuburan baru tidak sesuai disediakan di kawasan bandar dan tapak sedia ada perlu dipindahkan sekiranya perletakan tidak sesuai mengikut rancangan pemajuan; dan
- c) Tanah rizab untuk krematoria sedia ada yang mempunyai keluasan yang cukup dan lokasi yang sesuai hendaklah dirancang untuk menampung keperluan kegunaan awam termasuk tanah perkuburan Islam.

5.0 GARISPANDUAN UMUM

5.1 Perancangan Tanah Perkuburan Mengikut Hierarki Penempatan

5.1.1 Kawasan Kejiranan

Perletakan tanah perkuburan di dalam tiap-tiap satu kawasan kejiranan (penduduk di antara 5,000 - 10,000 orang) memerlukan tanah seluas 1 - 2 hektar.

- i. Perletakan tanah perkuburan tidak digalakkan untuk menampung kawasan kejiranan bagi mengelakkan perkara-perkara berikut:
 - a. Taburan tanah-tanah bersaiz kecil di merata kawasan;
 - b. Kemosotan harga tanah di sekeliling tanah perkuburan;
 - c. Timbulnya kesan negatif seperti keengganan ramai penduduk untuk tinggal berdekatan; dan
 - d. Timbulnya masalah penjagaan dan pengawasan ke atas tanah-tanah bersaiz kecil.

- ii. Tanah perkuburan hendaklah diletakkan di antara 2 atau 3 kawasan kejiranan supaya lebih ekonomik dan mudah diuruskan. Bagi 3 kawasan kejiranan luas kawasan yang diperlukan ialah 2 - 6 hektar;
- iii. Tanah perkuburan dan krematoria dibolehkan secara setempat mengikut perancangan yang sesuai. Ini adalah untuk memudahkan pengawasan dan penjagaannya;
- iv. Perletakan tanah perkuburan dan krematoria bagi semua kaum hendaklah diasingkan dengan ruang anjakan yang mencukupi sebagai zon penampian seperti jalan-jalan, pokok-pokok atau penampian penghijauan. Jarak jejari dari rumah ke tanah perkuburan ialah 2 - 4 km; dan
- v. **Krematoria** adalah **tidak** ekonomik ditempatkan di dalam tiap-tiap kawasan kejiranan. Ini adalah kerana peratusan pembakaran mayat adalah terlalu kecil untuk menampung sesuatu krematoria di kawasan kejiranan. Di dalam kawasan bandar besar yang ramai penduduk bukan Islam, pembakaran mayat dilakukan di krematoria gas moden, manakala penduduk luar bandar biasanya menggunakan cara tradisional dan lama secara terbuka.

5.1.2 Kawasan Bandar dan Pekan

- i. Bagi bandar kecil tidak kurang dari 200,000 orang, satu krematoria gas moden boleh diletakkan di antara pekan-pekan ini. Jarak di antara krematoria dan pekan hendaklah tidak melebihi 20 km;
- ii. Bagi pekan kecil (penduduk kurang 75,000 orang), perletakan tanah perkuburan perlu hampir dengan kawasan pekan untuk memudahkan aktiviti pengurusan. Tanah yang diperlukan ialah seluas 15 hektar. Jarak di antara kediaman dan tanah perkuburan ialah 20 km. Satu krematoria jenis tradisional boleh disediakan; dan
- iii. Bagi bandar besar (lebih 200,000 orang) keperluan tanah perkuburan ialah seluas 20 hektar dan dipusatkan untuk

memudahkan pengurusan. Sekiranya keluasan tanah perkuburan melebihi 20 hektar ia bolehlah diagihkan ke beberapa tempat. Jarak antara kawasan kediaman dan tanah perkuburan hendaklah tidak lebih dari 30 meter. Satu krematoria gas moden juga perlu disediakan.

5.1.3 Separa Wilayah

Penyediaan tanah perkuburan boleh juga dirancang mengikut konsep separa wilayah untuk menampung keperluan bagi 2 - 3 buah bandar besar dan kecil bagi menjimatkan kegunaan tanah.

5.2 Perancangan Tapak

Perancangan tapak tanah perkuburan merupakan faktor paling utama yang patut diberi perhatian di dalam merancang tanah perkuburan. Di antara kriteria dalam merancang pemilihan tapak adalah seperti berikut:

5.2.1 Kepercayaan Agama dan Adat Resam

i. Tanah Perkuburan Islam

- a. Perletakan biasanya berhampiran dengan masjid dan kawasan perumahan untuk memudahkan pengurusan jenazah untuk disembahyangkan dahulu sebelum dikebumikan serta memudahkan mereka untuk menziarahi simati; dan
- b. Jenazah diwajibkan menghadap ke Kiblat atau Kaabah (arah kedudukan menghadap Kiblat ialah $292^{\circ}30'$). Bagi tujuan ini, tanah yang rata adalah paling sesuai.

ii. Tanah Perkuburan Cina

Penganut 'ancestor worship' mengambilkira adat 'Feng shui'. Bagi adat ini parameter-parameter adalah seperti berikut:

- a. Bentuk mukabumi yang landai di lereng-lereng bukit, tanpa bukit-bukit kecil, batu kecil, batu besar atau bentuk-bentuk buatan manusia seperti empangan; dan

- b. Kewujudan badan-badan yang mengandungi air dihadapan kubur-kubur melambangkan kekayaan dan kemewahan kepada kedua-dua pihak yang hidup dan yang mati.

iii. Tanah Perkuburan Hindu

Kaum Hindu lebih mementingkan kepada pembakaran mayat dan tidak ada apa-apa faktor fizikal khas yang perlu dipertimbangkan di dalam perletakan tanah perkuburan mereka. Walau bagaimanapun, tanah yang rata adalah sesuai untuk memudahkan pengurusan mayat.

iv. Tanah Perkuburan Kristian

Taburan tanah perkuburan untuk orang-orang Kristian juga tidak menekankan kepada apa-apa kriteria khas, selain tanah yang rata adalah sesuai untuk memudahkan pengurusan mayat.

5.2.2 Kesihatan Umum

- i. Kubur baru hendaklah tidak digali kurang dari enam kaki dari kubur yang lama, dan tanah perkuburan tidak boleh digunakan semula sebelum 30 hingga 50 tahun mengikut keadaan tanah, selepas pengkebumian terakhir;
- ii. Jarak di antara tanah perkuburan dan rumah kediaman yang terdekat ialah sekurang-kurangnya 30 meter; dan
- iii. Menyediakan zon pemisah di antara tanah perkuburan dan punca-punca air untuk menjamin kesihatan umum.

5.2.3. Topografi dan Struktur Tanah

- i. Jenis tanah yang paling sesuai ialah tanah terbuka jenis poros yang akan memudahkan laluan air dan udara ke semua arah. Tanah jenis ini membolehkan pereputan mayat dengan lebih cepat jika dibandingkan dengan tanah-tanah yang lain;
- ii. Tanah perkuburan hendaklah sekurang-kurangnya berada pada paras 2 meter (6 kaki 6 inci) di atas paras banjir bagi tiap-tiap pusingan 100 tahun;

- iii. Tanah perkuburan tidak sesuai diletakkan di kawasan yang mempunyai aras mata air yang tinggi. Paras air di dalam tanah harus melebihi 2 meter di bawah permukaan bumi;
- iv. Tanah perkuburan tidak sesuai bagi kawasan-kawasan seperti berikut;
 - a. Kawasan-kawasan banjir dan tanah runtuh;
 - b. Kawasan yang kerap diancam hakisan seperti sungai dan laut;
 - c. Tanah yang bercerun; dan
 - d. Tanah paya dan jenis tanah liat.
- v. Tanah perkuburan hendaklah jauh dari kawasan sungai, saliran atau lain-lain punca air kerana ini akan mengakibatkan pengaliran air dari kawasan perkuburan ke tempat-tempat tersebut.

5.2.4 Kesesuaian Gunatanah

- i. Tapak untuk tanah perkuburan tidak sesuai ditempatkan di dalam kawasan perdagangan, pentadbiran atau di pusat-pusat bandar, di mana harga tanahnya adalah tinggi. Ianya juga tidak sesuai jika ditempatkan di kawasan lombong kerana tanah begini adalah jenis tanah yang mudah mendap dan banyak mengandungi air; dan
- ii. Tapak-tapak baru untuk tanah perkuburan sesuai jika ditempatkan di pinggir-pinggir kawasan pembangunan, berhampiran dengan rumah-rumah ibadat.

5.3 Keperluan Ruang

- i. Keperluan ruang tanah perkuburan untuk sesuatu kawasan bergantung kepada saiz kubur, kadar kematian, pandangan penduduk setempat terhadap pembakaran dan penggunaan semula tanah perkuburan. Kubur orang-orang Islam boleh digunakan semula selepas 90 tahun pengkebumian terakhir dibuat di atas kubur itu. (Sumber: Jabatan Agama Islam, Selangor);

- ii. Bagi memudahkan pengiraan keperluan ruang tanah perkuburan bagi setiap 1,000 penduduk pada masa akan datang, berikut dirumuskan satu formula secara am bagi tujuan tersebut;

$$At = Pt \times \frac{Dr}{1000} \times Ib \times \left(1 - \frac{Ce}{1000}\right) \times Sz \text{ dimana:}$$

- t = Tahun unjuran
 At = Kawasan tanah perkuburan pada masa t
 Pt = Penduduk unjuran
 Ib = Jarak antara kubur digunakan semula
 Ce = Faktor pembakaran mayat
 Sz = Purata saiz kubur

Contoh:

Keluasan kawasan yang diperlukan untuk perkuburan Islam bagi setiap 1,000 penduduk adalah

$$\begin{aligned} At &= 1000 \times \frac{6}{1000} \times 30 \times \frac{(1-0)}{1000} \times 8.36 \text{ meter persegi} \\ &= 1831.1 \text{ meter persegi} \\ &= 0.2 \text{ hektar bagi setiap 1,000 penduduk atau 1 hektar bagi} \\ &\quad \text{setiap 5,000 penduduk.} \end{aligned}$$

- iii. Purata keluasan untuk satu lot kubur ialah lebih kurang 8.36 meter persegi (dengan kawasan rizab landskap).

6.0 GARIS PANDUAN KHUSUS

6.1 Susunatur Tanah Perkuburan Dan Krematoria

6.1.1 Susunatur Tanah Perkuburan Islam dan Bukan Islam

i. Sistem Modul

Sistem modul ini mengandungi 2 barisan kubur di mana satu baris terdiri daripada 20 lot kubur. (Sila lihat Rajah 1). Tiap-tiap tanah perkuburan haruslah mengandungi sekurang-kurangnya 15 modul yang boleh memuatkan sebanyak 600 lot kubur. Keperluan ruang yang diperlukan ialah 1 hektar.

RAJAH 1: SISTEM MODIUL

CONTOH MODIUL 1



CONTOH MODIUL 2



ii. Kemudahan Awam

Tiap-tiap tanah perkuburan hendaklah mengandungi kemudahan seperti berikut:-

- Menyediakan 8 - 10 lot tempat letak kereta. Tiap-tiap satu lot adalah seluas 20 - 25 meter persegi. Ini termasuk kawasan untuk landskap;
- Menyediakan 2 lot meletak bas;
- Kawasan seluas 400 meter persegi untuk satu bangunan awam. Bangunan ini akan memuatkan pejabat pentadbiran, kawasan rehat dan kemudahan tandas; dan
- Menyediakan kemudahan utiliti yang secukupnya.

iii. Landskap dan PENDING


Satu rizab landskap seluas 1.5 meter diperlukan di sepanjang garis mendatar pejalan kaki. (Sila lihat Rajah 2). Landskap dan pokok-pokok bukan sahaja dapat meningkatkan suasana yang menarik kepada sesuatu kawasan tanah perkuburan, malah juga dapat bertindak sebagai zon pemisah di antara dua jenis kegunaan tanah. Rupabentuk landskap dan jenis-jenis pokok perlulah mematuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan di dalam Garis Panduan landskap Negara 1995.

iv. Sistem Peredaran

Menyediakan sistem peredaran selebar 2 meter (6.5 kaki) mengelilingi setiap modul iaitu:

- a. Jalan masuk ke setiap lot kubur;
- b. Membawa keranda; dan
- c. Pergerakan penggali

RAJAH 2: PELAN KONSEP TANAH PERKUBURAN



6.1.2 Susunatur Krematoria

Terdapat dua jenis krematoria iaitu:


i. Krematoria jenis tradisional

Krematoria jenis ini memerlukan kawasan seluas 0.6 hektar dan sesuai untuk kawasan luar bandar dan separa wilayah. Perletakan dalam kawasan bandar hendaklah diletakkan jauh daripada pembangunan sedia ada dan akan datang.

Komponen krematoria jenis tradisioanl adalah seperti berikut:

- a. Kawasan membakar mayat berukuran 10 meter x 16 meter;
- b. Tempat membakar mayat berukuran 2 meter x 3 meter;

RAJAH 3: KREMATORIA TRADISIONAL




- c. Kawasan rehat untuk para pengunjung dan pemerhati;
- d. Tempat membuang sampah untuk aktiviti pembakaran mayat; dan
- e. Tempat letak kenderaan antara 8-10 ruang letak kereta dan 2 ruang letak bas.

ii. Krematoria Gas Moden

Satu krematoria gas moden memerlukan kawasan seluas 0.6 hektar (1.5 ekar) termasuk kawasan untuk landskap (Rajah 4) dan mengandungi komponen-komponen berikut:

- a. Menyediakan tempat letak kenderaan antara 8-10 tempat letak kereta dan 2 tempat letak bas;

RAJAH 4: SUSUNATUR KREMATORIA MODEN



- b. Menyediakan tempat membuang sampah dan membakar sampah; dan
- c. Zon Pemisah sekurang-kurangnya 6 meter (20 kaki) di sekeliling krematoria.

6.1.3 Susunatur Dan Rekabentuk Taman Peringatan

- i. Semua tapak Taman Peringatan hendaklah mendapat kelulusan dari Pihakberkuasa Negeri terlebih dahulu;
- ii. Taman Peringatan memerlukan satu kawasan yang luas dan diletakkan di pinggir kawasan pembangunan;
- iii. Susunatur dan rekabentuk tanah perkuburan dibahagikan kepada beberapa taman-taman kecil. Sekiranya Krematoria diperlukan, sebahagian daripada kawasan harus diperuntukkan bagi menyediakan krematoria;
- iv. Susunatur dalaman taman ini menekankan kepada rangkaian jalan yang menyeluruh serta sistem pejalan kaki; dan
- v. Kemudahan awam yang dicadangkan ialah bangunan umum atau rumah ibadat. Ketinggian dan rekabentuk batu-batu tanda kubur perlu dikawal supaya berharmoni dengan landskap keseluruhannya.

7.0 PIAWAIAN

Piawaian Perancangan tanah perkuburan adalah seperti dalam Jadual 1,2,3, dan dan rajah 5.

JADUAL 1: PIAWAIAN PERANCANGAN LOT PERKUBURAN

BIL	PERKARA	ISLAM	CHINA	HINDU	KRISTIAN
1.	Lot Kubur	2.5m x 3m (8 kaki x 10 kaki)	2m x 3.5m (7 kaki x 12 kaki)	2m x 3m (7 kaki x 10 kaki)	2m x 3m (7 kaki x 10 kaki)
2.	Liang Kubur	1.0m x 2.0m (3 kaki x 7 kaki)	1m x 2.5m (3 kaki x 8 kaki)	1m x 2m (3 kaki x 7 kaki)	1m x 2m (3 kaki x 7 kaki)
3.	Penutup Kubur	1.5m x 2.5m (5 kaki x 8 kaki)	1.5m x 3m (5 kaki x 10 kaki)	1.5m x 2.5m (5 kaki x 8 kaki)	1.5m x 2.5m (5 kaki x 8 kaki)
4.	Rizab Landskap	1.5m (5 kaki)	1.5m (5 kaki)	1.5m (5 kaki)	1.5m (5 kaki)
5.	a) Kemudahan Tempat letak kereta	8 - 10 petak	8 - 10 petak	8 - 10 petak	8 - 10 unit
	b) Bas	2 petak	2 petak	2 petak	2 petak
6.	Ruang di perlukan untuk 5,000 penduduk dalam tempoh 20 tahun	1 hektar (2.5 ekar)	1 hektar (2.5 ekar)	1 hektar (2.5 ekar)	1 hektar (2.5 ekar)
7.	Bilangan Modul * bagi tiap-tiap kawasan perkuburan	15	15	15	15
8.	Bilangan Kubur bagi tiap-tiap kawasan perkuburan	600	600	600	600

Sumber: *Manual Piawaian Perancangan, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 1988.*

Catatan:

* Modul: Himpunan lot-lot kubur di mana tiap-tiap satu modul mengandungi 2 baris dan tiap-tiap satu baris terdapat 20 lot kubur.

JADUAL 2: PIAWAIAN PERANCANGAN UNTUK KREMATORIA


BIL	PERKARA	JENIS	
		KREMATORIA TRADISIONAL	KREMATORIA MODEN
1.	Kawasan 'Pyre' kawasan membakar mayat	10m x 16m (33 kaki x 53 kaki)	–
2.	'Pyre' Tempat membakar mayat	2m x 3m (7 kaki x 10 kaki)	–
3.	Kawasan berehat	10m x 12m (33 kaki x 40 kaki)	–
4.	(a) Kawasan Tempat letak kereta (b) Bas	8 - 10 petak 2 petak	8 - 10 petak 2 petak
5.	Keperluan Ruang	0.6 hektar (1.5 ekar)	0.6 hekar (1.5 ekar)
6.	Zon Pemisah	–	6m (20 kaki)

JADUAL 3: PIAWAIAN PERANCANGAN TANAH PERKUBURAN


PENDUDUK		TANAH PERKUBURAN		KREMATORIA	JARAK JEJARI (KM)
		ISLAM	BUKAN ISLAM		
1 unit kawasan kejiranan	5,000 - 10,000	0.5 - 1 hektar	0.2 - 0.4 hektar	–	1
2-3 unit kawasan kejiranan	10,000 - 30,000	1-3 hektar	0.4 - 1.2 hektar	Krematoria gas moden yang terdekat dibandar	2 - 4
Bandar kecil atau Pekan	+ 75,000	7.5 hektar	3 hektar	Krematoria moden dikongsi dengan beberapa bandar-bandar kecil yang lain	20 km di antara 2 - 3 pusat bandar
Bandar besar	+ 200,000	20 hektar	8 hektar	Krematoria gas moden	Tidak melebihi 20 km dari pusat bandar
Separah Wilayah		Tanah Perkuburan terdapat di kawasan penumpuan penduduk		Beberapa bandar kecil digalakkan supaya berkongsi krematoria. Bandar-bandar kecil yang terpencil digalakkan menggunakan amalan yang biasa	
Kampung-kampung	+ 5,000	2 - 3 kampung berkongsi satu tanah perkuburan atau tiap-tiap Rancangan Felda, penempatan Orang Asli, rancangan Lembaga Kemajuan atau projek-projek terpencil boleh didefinisikan sebagai 1 kawasan kejiranan		Mengikut amalan yang biasa digunakan	1 - 2 km

RAJAH 5 : LOT PERKUBURAN


a). Lot perkuburan Islam




b). Lot perkuburan bukan Islam (Cina)



c). Lot perkuburan bukan Islam (Kristian)



d). Lot perkuburan bukan Islam (Hindu)



PASUKAN KAJIAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN TANAH PERKUBURAN ISLAM DAN BUKAN ISLAM

Penasihat

1. *Y. Bhg. Dato' Prof Zainuddin bin Muhammad
Ketua Pengarah,
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa,
Semenanjung Malaysia.*

JAWATANKUASA PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN

1. *Ketua Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia* - *Pengerusi*
2. *Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia*
3. *Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia*
4. *Jabatan-Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri-Negeri*
5. *Pejabat Pengurusan, Bahagian Rancangan Pembangunan*
6. *Unit-unit Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Ibu Pejabat, Semenanjung Malaysia*
7. *Bahagian Perancangan dan Penyelarasan, Perbadanan Putrajaya*
8. *Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan dan Lembah Klang,
Jabatan Perdana Menteri*
9. *Bahagian Perancangan Jalan, Kementerian Kerja Raya*
10. *Lembaga Pembangunan Labuan*
11. *Lembaga Pembangunan Langkawi*
12. *Kuala Lumpur International Airport Bhd.*
13. *Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang*
14. *Unit Penyelidikan dan Pembangunan
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (Ibu Pejabat)* - *Urusetia*

JAWATANKUASA PENYELARAS

1. *Timbalan Ketua Pengarah(Pengurusan)
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia* – *Pengerusi*
2. *Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Perlis.*
3. *Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Pahang.*
4. *Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Selangor.*
5. *Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Perak.*
6. *Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Terengganu.*
7. *Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Kelantan.*
8. *Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Pulau Pinang.*
9. *Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Melaka.*
10. *Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan dan Lembah Klang.*
11. *Ketua Unit Penyelidikan dan Pembangunan
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. (Ibu Pejabat)* – *Urusetia*

PASUKAN KAJIAN

1. *Puan Hajjah Norasiah binti Haji Yahya - (Ketua Pasukan Kajian)*
2. *En. Abdul Hamid bin Abdul Majid.*
3. *Puan Jamariah binti Isam*
4. *Puan Kalsom Yop binti Mohd Kassim*
5. *En. Mohd. Nasir bin Kamin*
6. *Salmiah binti Hashim*
7. *En. Bakar bin Othman*
8. *Puan Hodijah binti Abdullah*
9. *En. Mohd. Yasir bin Said*
10. *Puan Husniah binti Mohd. Hasir*
11. *Puan Zulridah binti Arshad*

RUJUKAN

1. *Manual Piawaian Perancangan, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 1988.*
2. *Jabatan Agama Islam, Negeri Selangor Darul Ehsan.*
3. *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.*
4. *Garis panduan Landskap Negara - Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, 1995.*